

Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecerdasan Emosi Remaja

MOHD SABRI MAMAT
SYED NAJMUDDIN SYED HASSAN
AB. HALIM TAMURI

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan terhadap 674 orang pelajar tingkatan lima Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di seluruh Malaysia. Kajian ini bersifat kajian tinjauan untuk melihat tahap amalan ibadat harian (solat, puasa, membaca al-Quran dan zikir doa) berdasarkan persepsi. Pada masa yang sama, pengkaji ingin melihat sejauh mana sumbangan amalan ibadat harian menyumbang kepada tahap kecerdasan emosi (kesedaran sendiri, regulasi sendiri dan motivasi sendiri). Dua set instrumen, iaitu Inventori Ibadat Harian (IIH-MRSM) dan Inventori Kepintaran Emosi Malaysia (IKEM-MEQI) digunakan. Dapatan menunjukkan bahawa amalan ibadat harian menyumbang kepada ketiga-tiga domain kecerdasan emosi seseorang. Amalan zikir doa dan membaca al-Quran didapati menyumbang kepada peningkatan kesedaran sendiri dalam kalangan pelajar. Ibadat-ibadat zikir doa, membaca al-Quran dan solat pula menyumbang kepada peningkatan regulasi sendiri. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa mendapati keempat-empat konstruk amalan ibadat harian menyumbang kepada peningkatan motivasi sendiri. Kajian ini memberi penunjuk kepada pendekatan pendidikan yang boleh diamalkan di sekolah, terutama sekolah berasrama dalam membentuk keperibadian pelajar.

Kata kunci: Amalan ibadat, kecerdasan emosi, motivasi sendiri, keperibadian pelajar

ABSTRACT

This survey study has been done on 674 form five students of MARA Junior Science Colleges (MRSM) throughout Malaysia. The purpose of this study was to investigate the perceptions towards the benefits of religious worship, such as solat, fasting, recitation of al Quran and dua, and zikr. Apart from this, it was also meant to investigate whether religious worship helps to build up individual's emotional quotient (self-awareness, self-regulation and self-motivation). Two sets of instruments were used; the Religious Worship Inventory (Inventori Ibadat Harian - IIH) and the Malaysian Emotional Quotient Inventory (IKEM-MEQI). The findings have shown that religious worship helps to build up three domains of emotional quotient. Recitation of Quranic Verses was found very beneficial towards the intensification of self-regulation. Besides this, the findings have also shown that religious worship helps to build up self-motivation. This indicates this academic approach can be used to shape students personalities.

Keywords: religious worship, emtional quotient, self motivation, student personalities

PENDAHULUAN


Ibadat dalam Islam ialah satu jalur yang mesti ditempuhi oleh oleh setiap orang yang berpegang kepada ajaran Islam. Konsep ibadat adalah konsep pengabdian dan hubungan antara hamba dan Tuhannya. Kaedah pengabdian ini diatur sedemikian rupa oleh Tuhan Yang Maha Pencipta dalam pelbagai peringkat dan tingkatan (Muhammadiyah 1982). Sebagai contoh, ibadat sembahyang wajib dikerjakan lima kali sehari sebagai rutin harian. Zakat dan sedekah boleh dilakukan bila-bila masa tanpa waktu yang ditentukan. Puasa pula diwajibkan sepanjang sebulan Ramadhan setiap tahun manakala puasa sunat boleh dikerjakan pada bila-bila masa dan hari-hari tertentu. Ibadat haji pula perlu dilakukan hanya sekali dalam seumur hidup. Perbezaan waktu dan cara atau bentuk ibadat mempunyai hikmah yang tersendiri dalam mengatur kehidupan manusia dari awal hingga akhir kehidupan. Semuanya adalah bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang berterusan antara manusia dengan Tuhan penciptanya sepanjang masa. Kesemua bentuk ibadat tersebut diperintahkan dengan tujuan untuk membentuk peribadi, iaitu mendidik jiwa, menjernihkan rohani, mencerdaskan akal serta menguatkan jasmani (Muhammadiyah 1982; al-Qardhawy 1975).

Matlamat pembangunan peribadi adalah perkara dasar yang perlu diutamakan di dalam pendidikan Islam. Mereka yang tidak berusaha untuk membentuk peribadinya akan menjadikannya pasif, jumud dan tidak berkembang, seterusnya gagal dalam kehidupannya serta tidak dapat melaksanakan fungsinya di dalam masyarakat (Abdullah as-Sirri 1996). Amalan ibadat yang menyeluruh mampu memperkembangkan keupayaan peribadi seseorang untuk menjadikannya seorang individu yang hebat dalam dua watak, iaitu sebagai (i) hamba Allah dan (ii) khadam ummah (khalifah). Walau bagaimanapun, aspek ibadat ini selalu dilupakan dan dianggap remeh oleh kebanyakan orang. Kehebatan peribadi yang sepatutnya terhasil daripada penghayatan amalan ibadat hanya wujud pada istilahnya sahaja dan hilang terbiar. Ibadat ibarat emas di tengah kesibukan kota, tidak dipedulikan, tidak digilap, tidak dicanai dan tidak dinilai oleh orang. Umat Islam sendiri seolah-olah lebih terpedaya dengan teori-teori dari Barat dalam segala hal, yang dikatakan lebih baik, sedangkan aspek-aspek pendidikan dan perhatian Islam terhadap pembentukan peribadi yang hebat lama diperkenalkan oleh Rasulullah, para sahabat, ulamak-ulamak agung dalam sejarah Islam (Abdullah as-Sirri 1996).

George Bernard Shaw (dalam Abdullah As-Sirri 1996) pernah berkata: "Saya selalu menghargai agama Muhammad setinggi-tingginya kerana kemampuannya yang sangat mengagumkan. Ialah satu-satunya menurut pendapat saya yang mempunyai kemampuan menangani segala perubahan alam yang menjadikan agama ini dapat dilaksanakan di setiap zaman". Petikan menggambarkan bahawa ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah dikagumi kehebatannya dari segi kemampuannya melahirkan peribadi generasi manusia yang hebat. Ianya turut dikagumi oleh tokoh Barat (Abdullah as-Sirri 1996). Rasulullah sendiri merupakan seorang manusia yang mempunyai kekuatan peribadi yang sangat hebat. Baginda juga seorang pemimpin yang sangat bertanggungjawab kepada rakyatnya dan menyayangi mereka (Sheikh Jamil Zainu 2003). Baginda seorang yang amat pengasih kepada umatnya (Al-Taubah 9: 128-129). Baginda juga menjadi suami contoh yang amat bertanggungjawab dan penyayang terhadap isterinya. Baginda juga merupakan seorang sahabat contoh yang sentiasa disenangi oleh sahabat di sekelilingnya. Personaliti baginda amat cemerlang dan sukar dibandingkan dengan sesiapa pun

di dunia ini dari segi penampilan, cara percakapan, kepimpinan dan juga keberaniannya. Akhlak dan peribadi mulianya amat murni dari segi sifat sabar, pemaaf, murah hati, tawaduk, adil, qana'ah dan zuhudnya (Sheikh Jamil Zainu 2003). Seharusnya, masyarakat hari ini diberikan kesedaran dan pendidikan bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai kekuatan peribadi sebagaimana peribadi Rasulullah yang dapat melahirkan tamadun material dan tamadun rohani dalam kehidupan umat manusia.

Model pembangunan peribadi berdasarkan prinsip Islam adalah amat sesuai diterapkan dalam sistem pendidikan sekolah ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang maju. Model ini merangkumi kemajuan tamadun rohani dan material sekaligus dan sesuai dengan matlamat Wawasan 2020 yang dihasratkan oleh kerajaan Malaysia, iaitu mencapai taraf negara maju dengan acuan Malaysia (Muhammad Subri 1997; Abd Gani 1997). Model ini juga menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Rozali 1998). Dua watak manusia boleh dilahirkan melalui proses pembentukan peribadi melalui pendidikan Islam, iaitu (i) watak hamba Allah dan (ii) watak khadam ummah, yang kedua-duanya menyumbang kepada pembangunan tamadun manusia. Proses pembangunan peribadi tersebut dapat digambarkan melalui Rajah 1.



(Diubah suai daripada Abdullah As-Sirri, 1996)

Rajah 1: Model Dua Watak dalam Pembangunan Peribadi

METODOLOGI

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan dua set soal selidik, yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada pelajar MRSM seluruh Malaysia berhubung persepsi mereka tentang amalan ibadat harian dan tahap kecerdasan emosi mereka. Kajian ini terhadap kepada mengukur tahap tingkah laku beribadat dan tidak mengukur daripada aspek penghayatan yang sebenar.

2. Instrumen Kajian

Dua set soal selidik yang terdiri daripada (i) Inventori Ibadat Harian MRSM (IIH - MRSM) yang dibina sendiri serta (ii) Inventori Kepintaran Emosi Malaysia IKEM – MEQI (versi Remaja) yang dibina oleh Noriah et al. IIH-MRSM mengukur empat konstruk utama merangkumi ibadat solat, puasa, membaca al-Qur'an serta zikir doa. Manakala Instrumen IKEM-MEQI merangkumi tiga domain utama, iaitu kesedaran sendiri, regulasi sendiri serta motivasi sendiri sahaja. IIH-MRSM digubal sendiri oleh pengkaji dan melalui proses semakan pakar seramai 12 orang pakar rujuk. Instrumen IKEM-MEQI merupakan instrumen yang telah mantap dan telah diuji dari segi kesahan konstruk dan kebolehpercayaan.

3. Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan pelajar MRSM sebagai sampel kajian. Populasi pelajar MRSM pada tahun 2006 adalah seramai lebih kurang 24,400 orang (BPLM-MARA 2006). Pemilihan sampel seramai 674 orang dipilih secara rawak daripada 12 MRSM terpilih. MRSM yang dipilih adalah secara rawak daripada 32 buah MRSM.

4. Kajian Rintis

Kajian rintis telah dilakukan terhadap 90 orang pelajar di MRSM Jasin. Bagi menguji ketekalan soalan, dua kali ujian rintis diadakan. Tujuan kajian rintis ini diadakan untuk menguji kebolehpercayaan item-item IIH-MRSM dan IKEM -MEQI. Nilai kebolehpercayaan keseluruhan item-item tersebut ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan IIH-MRSM dan IKEM-MEQI

| Konstruk | Rintis 1 | Rintis 2 | Beza |
|---|-----------------|-----------------|-------------|
| Keseluruhan (149 item) | 9191. | 9579. | 0388.+ |
| Bahagian B – Amalan ibadat (60 item) | 8555. | 9301. | 0746.+ |
| Bahagian C – Kesedaran sendiri (20 item) | 8138. | 8187. | 0049.+ |
| Bahagian D–Pengendalian sendiri (31 item) | 8238. | 8543. | 0305.+ |
| Bahagian E – Motivasi sendiri (18 item) | 8687. | 8648. | 0039.- |

5. Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen

Data yang dikumpul daripada 674 orang sampel diproses dua kali untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang digunakan. Seterusnya, data dibersihkan serta menyingkirkan sebarang outliers yang mengganggu. Mana-mana item yang bersifat negatif dikodkan semula menjadi nilai positif. Nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha keseluruhan item instrumen ini telah meningkat kepada 0.9615. Begitu juga dengan Bahagian B (0.9257), Bahagian C (0.8440) Bahagian D (0.8800) dan Bahagian E (0.9122). Sebagai kesimpulan, kedua-dua set instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang amat tinggi.

Pengkaji melakukan reduksi data dengan menjalankan analisis faktor menggunakan Principal Component. Item-item ini telah dikelompokkan secara statistik. Nilai faktor loading mesti melebihi 0.3 sebagaimana yang disarankan oleh Hair et al. (1998) bagi memenuhi practical significance. Mana-mana item yang mempunyai beban faktor rendah (bawah 0.3) digugurkan. Sekiranya terdapat item yang digugurkan, maka, analisis faktor dilakukan beberapa kali sehingga akhirnya tidak ada lagi item yang mempunyai nilai beban faktor di bawah 0.3. Proses ini dibuat bagi memastikan data yang diperoleh mempunyai kesahan konstruk yang tinggi. Semua item daripada IKEM-MEQI dan IIH MRSM dikekalkan.

6. Prosedur Pengumpulan Data

Pemilihan MRSM telah dibuat secara rawak mengikut kelompok zon, iaitu zon utara, timur dan selatan. Sampel yang dipilih ditentukan oleh pihak MRSM. Pentadbiran soal selidik dijalankan oleh wakil di setiap maktab (pentadbir atau kaunselor). Mereka diberi taklimat terperinci tentang tatacara pengumpulan data. Pentadbiran soal selidik ini tidak melibatkan guru pendidikan Islam bagi mengelakkan bias. Pasukan pengkaji juga tidak terlibat secara langsung dalam mentadbir soal selidik di MRSM.

7. Prosedur Penganalisan Data

Data daripada soal selidik yang lengkap diisi oleh pelajar dimasukkan ke dalam komputer menggunakan perisian SPSS Versi 11.5. Mana-mana set soal selidik yang tidak dijawab dengan lengkap oleh responden dikeluarkan untuk mendapatkan ketepatan data. Seterusnya, data dibersihkan serta menyingkirkan sebarang outliers yang mengganggu. Mana-mana item yang bersifat negatif telah dikodkan semula menjadi nilai positif. Pengkaji melakukan reduksi data dengan menjalankan analisis faktor menggunakan Principal Component. Semua item daripada IKEM-MEQI dan IIH MRSM dikekalkan. Mana-mana item yang mempunyai beban faktor rendah (bawah 0.3) digugurkan. Pengkaji menggunakan Kaiser Mayer Olkin Measure of Sampling Adequacy dan Bartlett's Test of Sphericity bagi memastikan data yang dianalisis memiliki taburan normal dan sampling adequacy. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi menunjukkan kekerapan, peratusan dan min sahaja. Seterusnya, data diproses menggunakan statistik inferensi untuk melihat sumbangan ibadat harian terhadap domain EQ.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan statistik inferensi yang dijalankan terhadap pemboleh ubah tahap amalan ibadat harian untuk melihat sumbangannya terhadap kesedaran sendiri, kawalan sendiri dan motivasi sendiri pelajar.

1. Sumbangan Faktor Solat, Puasa, Membaca al-Quran dan Doa Zikir terhadap Kesedaran Kendiri

Ho: Faktor amalan ibadat harian (solat, puasa, membaca al-Quran, doa zikir) tidak menyumbang kepada kesedaran sendiri.

Analisis regresi (stepwise) digunakan untuk melihat sumbangan faktor solat, puasa, membaca al-Quran dan doa zikir terhadap kesedaran sendiri. Satu data yang boleh mengganggu (casewise diagnostics) kebolehpercayaan dapatan regresi digugurkan. Andaian regresi linear seperti ujian kesamaan varians dan ujian normaliti serta aspek kolineariti telah dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan (Hair et al. 1998; Johnson 1998; Tabachnick & Fidell 2001; Morrison 2005).

Analisis regresi ini melibatkan empat peramal (faktor solat, puasa, membaca al-Quran dan doa zikir), manakala, pemboleh ubah kesedaran sendiri adalah sebagai (kriterion) kepada keempat-empat pemboleh ubah tersebut. Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan hasil regresi berganda (stepwise). Daripada analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat varian yang signifikan (faktor amalan zikir doa dan membaca al-Quran) terhadap kriterion kesedaran sendiri, iaitu $F = 214.86$, $Sig = 0.000 < 0.05$ (faktor amalan zikir doa) dan $F = 121.62$, $Sig = 0.000 < 0.05$ (faktor amalan membaca al-Quran). Bila dilihat kepada nilai beta, faktor amalan zikir doa (Beta = 0.363, $t = 8.240$, $Sig = 0.000$ dan $R^2 = 0.245$) dan faktor amalan membaca al-Quran (Beta = 0.205, $t = 4.561$, $Sig = 0.000$ dan $R^2 = 0.268$). Dapatan ini menunjukkan bahawa 24.5.1 peratus faktor amalan zikir doa menyumbang kesedaran sendiri dan 26.8 peratus disumbangkan oleh faktor amalan membaca al-Quran. Kesimpulan dapatan regresi ini ialah (i) apabila faktor amalan ibadat zikir doa meningkat seunit, maka skor kesedaran sendiri akan meningkat sebanyak 0.363 unit, dan (ii) apabila faktor amalan membaca al-Quran meningkat seunit, maka skor kesedaran sendiri meningkat 0.205 unit. Daripada dapatan regresi tersebut dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = 1.807 + 0.363 X_1 + 0.205 X_2 + 0.126$$

Y Kesedaran Kendiri
 X₁ Amalan Zikir Doa
 X₂ Amalan membaca al-Quran
 Pemalar (Constant) 0.807
 Ralat Piawai (Standard Error) 0.126

Jadual 2: Analisis Varians

| Model | | Jumlah Kuasa Dua | df | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|-------|----------|------------------|-----|---------------|--------|---------|
| 1 | Regresi | 19.03 | 1 | 19.03 | 214.86 | (000.a) |
| | Residual | 58.20 | 657 | 09. | | |
| | Total | 77.23 | 658 | | | |
| 2 | Regresi | 20.89 | 2 | 10.45 | 121.62 | 000.b) |
| | Residual | 56.34 | 656 | 09. | | |
| | Total | 77.23 | 658 | | | |

Signifikan pada aras 0.05

a Peramal: (Constant), min amalan zikir doa

b Peramal: (Constant), min amalan zikir doa, min amalan membaca al-Quran

c Pemboleh ubah bersandar: Min kesedaran sendiri

Jadual 3: Analisis Regresi Berganda (casewise) bagi Meramal Sumbangan Amalan Ibadat Harian terhadap Kesedaran Kendiri

| Peramal | B | Ralat Piawai | Beta | t | Sig | R ² | Sumbangan |
|------------------|-------|--------------|-------|--------|-------|----------------|-----------|
| Amalan Zikir Doa | 0.329 | 0.040 | 0.363 | 8.240 | 0.000 | 0.245 | %24.5 |
| Membaca al-Quran | 0.149 | 0.032 | 0.205 | 4.651 | 0.000 | 0.268 | %26.8 |
| Pemalar | 1.807 | 0.126 | | 14.308 | 0.000 | | |

Kriterion: Kesedaran Kendiri

R = 0.496 (a), 0.520 (b)

R² = 0.246 (a), 0.270(b)

R² Terlaras (AdjustedR²) = 0.245(a), 0.248(b)

Pemalar 0.807

Ralat Piawai 0.126

2. Sumbangan Faktor Solat, Puasa, Membaca al-Quran dan Doa Zikir Terhadap Regulasi Kendiri

Ho: Faktor amalan ibadat harian (solat, puasa, membaca al-Quran dan doa zikir) tidak menyumbang kepada regulasi kendiri.

Analisis regresi (stepwise) digunakan untuk melihat sumbangan faktor solat, puasa, membaca al-Quran dan doa zikir terhadap regulasi kendiri. Sebanyak 10 data yang boleh mengganggu (casewise diagnostics) kebolehppercayaan dapatan regresi telah digugurkan. Andaian regresi linear seperti ujian kesamaan varians dan ujian normaliti serta aspek koloneariti dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan (Hair et al. 1998; Johnson 1998; Tabachnick & Fidel 2001; Morrison 2005).

Analisis regresi ini melibatkan empat peramal (faktor solat, puasa, membaca al-Quran dan doa zikir) yang mana pemboleh ubah regulasi kendiri adalah sebagai (kriterion) kepada keempat-empat pemboleh ubah tersebut. Jadual 4 dan Jadual 5 menunjukkan hasil regresi berganda (stepwise). Daripada analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat varian yang signifikan (faktor amalan zikir, membaca al-Quran dan amalan solat) terhadap kriterion regulasi kendiri, iaitu $F = 269.06$, $\text{Sig} = 0.000 < 0.05$ (faktor amalan zikir doa), $F = 29.35$, $\text{Sig} = 0.000 < 0.05$ (faktor amalan membaca al-Quran) dan $F = 11.32$, $\text{Sig} = 0.001$ (amalan solat). Bila dilihat kepada nilai beta, faktor amalan zikir doa (Beta = 0.371, $t = 8.667$, $\text{Sig} = 0.000$ dan $R^2 = 0.292$), faktor amalan membaca al-Quran (Beta = 0.171, $t = 3.732$, $\text{Sig} = 0.000$ dan $R^2 = 0.322$) dan faktor amalan solat (Beta = 0.131, $t = 3.365$, $\text{Sig} = 0.001$ dan $R^2 = 0.333$). Dapatan ini menunjukkan bahawa 29.2 peratus faktor amalan zikir doa menyumbang terhadap regulasi kendiri, 32.2 peratus faktor amalan zikir doa menyumbang terhadap regulasi kendiri dan 33.3 peratus disumbangkan oleh faktor amalan membaca al-Quran. Kesimpulan dapatan regresi ini ialah (i) apabila faktor amalan ibadat zikir meningkat seunit, maka skor kesedaran kendiri akan meningkat sebanyak 0.371 unit, (ii) apabila faktor amalan membaca al-Quran meningkat seunit, maka skor regulasi kendiri meningkat 0.171 unit, dan (iii) apabila faktor amalan solat meningkat seunit, maka skor regulasi meningkat 0.131. Daripada dapatan regresi tersebut dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = 1.168 + 0.371 X^1 + 0.171 X^2 + 0.131 X^3 + 0.137$$

Y Regulasi kendiri

X¹ Amalan zikir doa

X² Amalan membaca al-Quran

X3 Amalan solat
 Pemalar (Constant) 1.168
 Ralat Piawai (Standard Error) 0.137

Jadual 4: Analisis Varians

| Model | | Jumlah Kuasa Dua | df | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|-------|----------|------------------|-----|---------------|--------|---------|
| 1 | Regresi | 27.36 | 1 | 27.36 | 269.06 |)000.a) |
| | Residual | 65.88 | 648 | 0.10 | | |
| | Total | 93.24 | 649 | | | |
| 2 | Regresi | 30.21 | 2 | 15.11 | 155.10 |)000.b) |
| | Residual | 63.02 | 647 | 0.10 | | |
| | Total | 93.24 | 649 | | | |
| 3 | Regresi | 31.30 | 3 | 10.43 | 108.82 |)000.c) |
| | Residual | 61.94 | 646 | 0.10 | | |
| | Total | 93.24 | 649 | | | |

Signifikan pada aras 0.05

a Peramal: (Constant), min amalan zikir doa, min amalan membaca al-Quran

b Pemboleh ubah bersandar: Min regulasi sendiri

Jadual 5: Analisis Regresi Berganda (casewise) untuk Meramal Sumbangan Ibadat Harian terhadap Regulasi Kendiri

| Peramal | B | Ralat Piawai | Beta | t | Sig | R ² | Sumbangan |
|------------------|-------|--------------|-------|-------|-------|----------------|-----------|
| Amalan Zikir Doa | 0.371 | 0.037 | 0.371 | 8.667 | 0.000 | 0.292 | %29.2 |
| Membaca al-Quran | 0.138 | 0.037 | 0.171 | 3.732 | 0.000 | 0.322 | %32.2 |
| Amalan solat | 0.100 | 0.030 | 0.131 | 3.365 | 0.001 | 0.333 | %33.3 |
| Pemalar | 1.807 | 0.126 | | 8.541 | 0.000 | | |

Kriterion: Regulasi Kendiri

R = 0.542 (a), 0.569 (b), 0.579(c)

R² = 0.293 (a), 0.324 (b), 0.336(c)

R² Terlaras (AdjustedR²) = 0.292(a), 0.322(b), 0.333 (c)

Pemalar 1.168

Ralat Piawai 0.137

3. Sumbangan Faktor Solat, Puasa, Membaca al-Quran, Doa Zikir terhadap Motivasi Kendiri

Ho: Faktor amalan ibadat harian (solat, puasa membaca al-Quran dan doa zikir) tidak menyumbang kepada motivasi sendiri.

Untuk melihat sumbangan faktor solat, puasa, membaca al-Quran dan doa zikir terhadap motivasi sendiri, analisis regresi (stepwise) digunakan. Satu data yang boleh mengganggu (casewise diagnostics) kebolehppercayaan dapatan regresi digugurkan. Andaian regresi linear seperti ujian kesamaan varians dan ujian normaliti serta aspek kolineariti dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan (Hair et al. 1998; Johnson 1998; Tabachnick & Fidel 2001; Morrison 2005).

Analisis regresi ini melibatkan empat peramal (faktor solat, puasa, membaca al-Quran dan doa zikir). Sedangkan pemboleh ubah motivasi sendiri adalah sebagai (kriterion) kepada keempat-empat pemboleh ubah tersebut. Jadual 6 dan Jadual 7 menunjukkan hasil regresi berganda (stepwise). Daripada analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat varian yang signifikan (faktor amalan membaca al-Quran, amalan zikir doa, amalan puasa dan amalan solat) terhadap kriterion motivasi sendiri, iaitu $F = 269.52$, $\text{Sig} = 0.000 < 0.05$ (faktor amalan membaca al-Quran), $F = 57.96$, $\text{Sig} = 0.000 < 0.05$ (faktor amalan zikir doa) $F = 12.12$, $\text{Sig} = 0.001 < 0.05$ (faktor amalan puasa) dan $F = 7.01$, $\text{Sig} = 0.008 < 0.05$ (faktor amalan solat). Bila dilihat kepada nilai beta, faktor amalan membaca al-Quran (Beta = 0.266, $t = 5.926$, $\text{Sig} = 0.000$ dan $R^2 = 0.293$), faktor amalan zikir doa (Beta = 0.265, $t = 2.856$, $\text{Sig} = 0.000$ dan $R^2 = 0.350$), amalan puasa (Beta = 0.106, $t = 2.856$, $\text{Sig} = 0.004$ dan $R^2 = 0.361$), dan faktor amalan solat (Beta = 0.103, $t = 2.647$, $\text{Sig} = 0.008$ dan $R^2 = 0.367$). Dapatan ini menunjukkan bahawa 29.3 peratus faktor amalan membaca al-Quran menyumbang kepada motivasi sendiri, manakala amalan zikir doa menyumbang 35.0 peratus, amalan puasa menyumbang 36.1 peratus dan 36.7 peratus lagi disumbangkan oleh faktor amalan solat. Kesimpulan dapatan regresi ini ialah (i) apabila faktor amalan membaca al-Quran meningkat seunit, maka skor motivasi sendiri akan meningkat sebanyak 0.266 unit, (ii) apabila amalan zikir doa meningkat seunit, maka skor motivasi sendiri akan meningkat sebanyak 0.265 unit, (iii) apabila amalan puasa meningkat seunit, maka skor motivasi sendiri akan meningkat sebanyak 0.106 unit dan (iv) apabila faktor amalan solat meningkat seunit, maka skor motivasi sendiri meningkat 0.103 unit.

Jadual 6: Analisis Varians

| Model | | Jumlah Kuasa Dua | df | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|-------|----------|------------------|-----|---------------|--------|---------|
| 1 | Regresi | 41.80 | 1 | 41.80 | 269.52 |)000.a) |
| | Residual | 100.33 | 647 | 16. | | |
| | Total | 142.13 | 648 | | | |
| 2 | Regresi | 50.06 | 2 | 25.03 | 175.60 |)000.b) |
| | Residual | 92.07 | 646 | 14. | | |
| | Total | 142.13 | 648 | | | |
| 3 | Regresi | 51.75 | 3 | 17.25 | 123.12 |)000.c) |
| | Residual | 90.37 | 645 | 14. | | |
| | Total | 142.13 | 648 | | | |
| 4 | Regresi | 52.73 | 4 | 13.18 | 94.95 |)000.d) |
| | Residual | 89.40 | 644 | 14. | | |
| | Total | 142.13 | 648 | | | |

Signifikan pada aras 0.05

a Peramal: (Constant), min amalan membaca al-Quran, min amalan zikir doa, min amalan puasa, min amalan solat

b Pemboleh ubah bersandar: Min motivasi sendiri

Daripada dapatan regresi tersebut dapat dibuat persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = 1.747 + 0.266 X_1 + 0.265 X_2 + 0.106 X_3 + 0.103 X_4 + 0.188$$

Y Motivasi sendiri

X¹ Amalan membaca al-Quran
 X² Amalan zikir doa
 X¹ Amalan puasa
 X² Amalan solat
 Pemalar 0.747
 Ralat Piawai 0.188

Jadual 7: Analisis Regresi Berganda (casewise) untuk Meramal Sumbangan Ibadat Harian terhadap Motivasi Kendiri

| Peramal | B | Ralat Piawai | Beta | t | Sig | R ² | Sumbangan |
|-----------------------------|------|--------------|------|------|------|----------------|-----------|
| Min amalan membaca al-Quran | 0.26 | 0.05 | 0.27 | 5.93 | .000 | 0.293 | 29.3% |
| Min amalan zikir doa | 0.32 | 0.05 | 0.27 | 6.15 | .000 | 0.350 | 35.0% |
| Min amalan puasa | 0.12 | 0.04 | 0.11 | 2.86 | .004 | 0.361 | 36.1% |
| Min amalan solat | 0.10 | 0.04 | 0.10 | 2.65 | .008 | 0.367 | 36.7% |
| Pemalar | 0.75 | 0.19 | | 3.97 | .000 | | |

Kriterion: Motivasi Kendiri

R = 0.542 (a), 0.593 (b), 0.603 (c), 0.609 (d).

R² = 0.294 (a), 0.352 (b), 0.364 (c), 0.371 (d).

R² Terlaras (Adjusted R²) = 0.293 (a), 0.350 (b), 0.361 (c), 0.367 (d).

Pemalar 0.747

Ralat Piawai 0.188

PERBINCANGAN

Analisis data yang dipaparkan sebelum ini boleh dibincangkan berdasarkan sumbangan ibadat harian kepada tiga aspek kecerdasan emosi, iaitu kesedaran sendiri, regulasi sendiri dan motivasi sendiri.

1. Sumbangan Amalan Ibadat Harian terhadap Kesedaran Kendiri

Dapatan menunjukkan bahawa amalan ibadat harian bagi amalan zikir doa dan membaca al-Quran didapati menyumbang kepada peningkatan kesedaran sendiri dalam kalangan pelajar. Amalan solat dan puasa yang lebih bersifat rutin wajib mengikut peraturan maktab yang dilakukan oleh pelajar didapati tidak menyumbang kepada kesedaran sendiri. Antara kemungkinan yang menyebabkan hal ini berlaku adalah disebabkan kedua-dua amalan zikir doa dan membaca al-Quran lebih bersifat inisiatif individu yang lebih kuat untuk melakukannya sebagai ibadat tambahan selain daripada ibadat wajib puasa dan solat.

Seseorang yang berbuat sesuatu di luar kebiasaannya perlu berfikir dan menggerakkan kudratnya untuk melaksanakan apa yang diinginkan. Kekuatan keinginan memerlukan kesengajaan, iltizam dan istiqomah untuk berbuat sesuatu. Solat dan puasa juga ada kesengajaan, tetapi berkemungkinan tidak ada iltizam dan istiqomah semasa melakukannya kerana ibadat ini menjadi lumrah atau kebiasaan yang dilaksanakan secara automatik. Kesedaran dan keazaman untuk berzikir doa dan membaca al-Quran itu sendiri merupakan titik-tolak untuk mensucikan diri daripada aspek kerohanian. Penerusan amalan sedemikian menjadi aspek utama kesedaran diri.

2. Sumbangan Amalan Ibadat Harian terhadap Regulasi Kendiri

Dapatan daripada analisis regresi berganda amalan ibadat harian terhadap domain regulasi sendiri pula, didapati ibadat zikir doa, membaca al-Quran dan solat sahaja yang menyumbang kepada peningkatan regulasi sendiri. Amalan puasa didapati tidak

menyumbang berkemungkinan kerana amalan tersebut tidak dilakukan dengan penghayatan yang sebenarnya. Amalan zikir doa dan membaca al-Quran yang menunjukkan sumbangan bukan sahaja kepada kesedaran sendiri malahan kepada regulasi sendiri. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua amalan tersebut memerlukan iltizam dan kehendak dalaman diri seseorang yang memberi kesan kepada kesedaran sendiri dan regulasi sendiri. Dapatan juga menunjukkan bahawa amalan solat yang bersifat amalan rutin maktab (solat wajib) dan solat tambahan (solat sunat) memberikan kekuatan dalaman untuk mengawal diri daripada tingkah laku dan mungkar, sesuai dengan firman Allah yang bermaksud "Sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada melakukan perkara keji dan mungkar" (al-Ankabut, 29: 45).

3. Sumbangan Amalan Ibadat Harian terhadap Motivasi Kendiri

Dapatan daripada analisis regresi berganda amalan ibadat harian terhadap domain motivasi sendiri mendapati keempat-empat konstruk amalan ibadat harian menyumbang kepada peningkatan motivasi sendiri. Amalan membaca al-Quran dan amalan zikir doa didapati lebih ketara sumbangannya terhadap motivasi sendiri seseorang remaja, berbanding amalan ibadat puasa dan solat. Dalam konteks seorang pelajar, motivasi amat penting dalam memastikan kejayaan dan kecemerlangan dalam segala bidang yang diceburi (Goleman 1995, 1999).

Antara kemungkinan yang menyebabkan hal ini berlaku adalah kerana amalan tersebut berkait dengan konsep ketaatan, ketakwaan dan kehambaan kepada Allah. Imam al-Ghazali (t.th.) mengatakan bahawa semakin bertakwa seseorang mukmin itu, semakin tinggi kehambaannya kepada Allah. Semakin tinggi kehambaan seseorang itu, maka semakin tinggi ketaatan dan kepatuhan kepada Allah yang menjadikan kefahaman tentang konsep qadha' dan qadar semakin tinggi. Allah menetapkan bahawa seseorang itu perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh (berjihad) di atas dunia untuk mencapai keredhaan Allah. Imam al-Ghazali mengatakan bahawa bekerjalah kamu seolah-olah kamu akan hidup seribu tahun, dan beribadatlah kamu seolah-olah kamu akan mati pada esok hari.

KESIMPULAN

Amalan ibadat yang bersifat wajib MRSM tidak cukup dengan hanya mewajibkan dalam bentuk penguatkuasaan semata-mata, tetapi perlu diterapkan dari segi kefahaman dan penghayatan. Dapatan kajian ini turut menunjukkan amalan yang bersifat wajib seperti solat dan puasa kurang menyumbang kepada ketiga-tiga faktor kecerdasan emosi, iaitu kesedaran sendiri, regulasi sendiri dan motivasi sendiri.

Pihak pengurusan MRSM sama ada di peringkat MRSM ataupun di peringkat Bahagian Pendidikan dan Latihan Menengah (BPLM) perlu memantapkan aspek amalan ibadat dengan mengutamakan pendidikan kerohanian. Keterampilan sahsiah (akhlak dan budi pekerti) perlu diberi penekanan dan keutamaan seiring dengan kecemerlangan akademik di dalam dan luar kelas. Sehubungan dengan itu, kaedah pendidikan kerohanian perlu dikaji semula dan ditingkatkan. Pengemblengan tenaga oleh semua pihak, terutamanya guru pendidikan Islam, warden, pengurusan hal ehwal pelajar dan penggubal dasar di peringkat BPLM harus mengambil pendekatan holistik. Tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan seharusnya dipikul bersama demi membentuk generasi Ulul Albab yang memahami tujuan kewujudan mereka di muka bumi.

RUJUKAN

- Abd Gani Jalil. (1997). Pendidikan Islam abad 21: Peranan dan persediaan. Kertas kerja Konvensyen Guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab MRSM Se-Malaysia, 8 – 10 April 1997, Sg Petani Inn. Anjuran ILHAM MARA.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1980). *Ihya' ulumuddin*. H. Ismail Yakub. (Terj.) Juzuk 4. Indonesia: Penerbit Asli.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1994). *Mengobati penyakit hati membentuk akhlak mulia* (Edisi Indonesia). Bandung: Penerbit Karisma.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2002). *Ibadat dalam Islam*. Hassan Idris. (Terj.). Cetakan Ke-5. Kuala Lumpur: YADIM.
- Al-Qardhawy, Yusuf. (1975). *Al-ibadah fil Islam*. Beirut: Muassah Ar-Risalah.
- As-Sirri, Abdullah. (1996). *Rahsia kekuatan mukmin*. Shah Alam: Wadah Ilmu.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1999). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Gymnastiar, Abdullah. (2002). *Meraih bening hati dengan manajemen qalbu*. Jakarta: Gema Insani.
- Hair, J.E., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. (1998). *Multivariate data analysis*. 5th Edition. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice Hall.
- Johnson, D.E. (1998). *Applied multivariate methods for data analysis*. USA: Duxbury Press.
- Morrison, D.F. (2005). *Multivariate statistical methods*. 4th Edition. USA: Brooks Cole Thomson Learning.
- Muhammad Jamil Zainu, Sheikh. (2003). *Mengenal peribadi rasulullah*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Muhammad Subri Yahaya. (1997). Strategi dan peranan Pendidikan Islam dalam mengatasi masalah disiplin remaja masa kini. Kertas kerja Konvensyen Guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab MRSM Se-Malaysia, 8 – 10 April 1997, Sg Petani Inn Anjuran ILHAM MARA.
- Muhammadiyah Ja'far. (1982). *Beberapa aspek pendidikan Islam*. Surabaya: Penerbit al-Ikhlas.
- Rozali Mamat. (1998). Pelaksanaan fardhu ain dan fardhu kifayah di institusi pendidikan MARA. Kertas kerja Muzakarah Peningkatan Amal Islami di Institusi MARA pada 4 – 8 hb Mei 1998, Hotel Nuri, Port Dickson Anjuran ILHAM MARA.
- Tabachnick & Fidel. (2001). *Using multivariate statistics*. 4th Edition. Boston: Allyn & Bacon.

Penulis

Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan, Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. e-mail: syednajmuddin@utem.edu.my

Mohd Sabri Mamat, Timbalan Pengetua Hal Ehwal Pelajar, Maktab Rendah Sains MARA Tun Ghafar Baba, 77000 Jasin, Melaka. e-mail: sabrimamat@hotmail.com

PM. Dr. Ab Halim Tamuri, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor. e-mail: abhalim@ukm.my